

Headline **Jualan RM24j setahun**  
Date **25 Aug 2009**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Bisnes**  
Journalist **Kamarulzaman Pid**  
Frequency **Daily**  
ADValue **6,214**

Language **Malay**  
Page No **26**  
Article Size **289 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
PRValue **18,642**



# Jualan RM24j setahun

Shamelin Bina lantik 500 stokis, yakin mampu jual RM2 juta Jus Manggis sebulan

>>Oleh **Kamarulzaman Pid**

amar@hmetro.com.my

**S**HAMELIN Bina Sdn Bhd, anak syarikat Koperasi Shamelin Bhd, pengeluar minuman kesihatan iaitu Jus Manggis Shamelin, menyasarkan nilai jualan RM24 juta setahun menjelang akhir 2010.

Ketua Pegawai Eksekutif Shamelin Bina Sdn Bhd, Syed Abdul Rahman Syed Mohd, berkata bagi mencapai sasaran itu, pihaknya akan berusaha keras untuk melantik 500 stokis di seluruh negara sebelum hujung tahun ini.

"Ketika ini, kami mempunyai 150 stokis dengan 5,000 keahlian di seluruh negara dan bagi mencapai sasaran nilai jualan RM2 juta sebulan selepas ini, kita akan melaksanakan promosi lebih agresif.

"Berebalkan kumpulan pengurusan yang mantap dan dibantu stokis yang bekerja keras, saya yakin sa-

sasaran itu mampu dicapai dalam tempoh ditetapkan," katanya.

Syed Abdul Rahman berkata, tiga faktor yang mem-

bantu mencapai sasaran itu ialah menerusi modal permulaan yang mudah iaitu hanya RM2,800 bagi stokis dan pelan perniagaan yang

mudah serta pembayaran tepat pada masanya.

"Kami mengalu-alukan orang ramai yang berminat menjadi stokis dan mereka

boleh menghubungi (Sham) 013-6337714 (Khalid), 019-3134004 (Saili) atau layari laman web [www.shamelin-biz4u.com](http://www.shamelin-biz4u.com)," katanya.

Beliau berkata, Jus Manggis Shamelin yang kaya bahan antioksidan dan Xanton

Headline **Jualan RM24j setahun**  
Date **25 Aug 2009**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Bisnes**  
Journalist **Kamarulzaman Pid**  
Frequency **Daily**  
ADValue **6,214**

Language **Malay**  
Page No **26**  
Article Size **289 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
PRValue **18,642**

dihasilkan daripada isi dan kulit manggis dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

“Produk ini membantu penyakit kronik seperti barah, darah tinggi, kencing manis, resdung, mengurangkan kadar kolestrol, antipenuaan, sembelit, melindungi jantung, insomnia, osteoporosis, senggugut, demam, sakit kepala serta penyakit berkaitan mata,” katanya.

Syed Abdul Rahman berkata, apa yang mahu ditekankan ialah produk yang dikeluarkan itu keluaran 100 peratus Bumiputera dan berikutan itu tidak timbul sebarang keraguan mengenai penggunaannya.



**SEMANGAT...**Syed Abdul Rahman (duduk) mempamerkan produk Jus Manggis Shamelin bersama-sama pegawai dan stokis produk berkenaan.